



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 4 JUN 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	KURANGKAN KEBERGANTUNGAN CILI IMPORT, NASIONAL, SH -7 PERMINTAAN MADU KELULUT MEMBERANGSANGKAN, NASIONAL, SH -7	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
3. 4. 5.	HARGA ADIL, KUALITI IKAN TERJAMIN, NASIONAL, SH -7 LUPAKAN TRADISI BERBISIK, KEKANG PENULARAN WABAK, WILAYAH, BH -18 DO AWAY WITH 'WHISPERING' CUSTOM, MP TELLS PASAR BISIK FISHMONGERS, NATION/NEWS, NST -9	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	DUO JAILED, FINED FOR FISHING BOMBING, HOME, BORNEO POST (KK) -7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7.	AGROBANK UMUM JUN SEBAGAI BULAN PKS, BISNES, HM -21	AGROBANK
8.	WARISAN TUARAN VOWS TO SOLVE LAND ISSUE IN VILLAGES, HOME, BORNEO POST (KK) -2	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Harga adil, kualiti ikan terjamin



Ahmad (dua dari kanan) melihat ledang cili yang diusahakan Muhamad Zaim bersama tiga orang belia di atas tanah terbiar di Felda Panching Selatan, Kuantan semalam.

Pemusatan aktiviti pendaratan ikan membolehkan sistem pemasaran terbuka dilaksanakan dengan berkesan

Oleh NOR KHALILAH
GUSTI HASSAN dan
NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Pemusatan aktiviti pendaratan ikan membolehkan sistem pemasaran ikan terbuka dilaksanakan dengan berkesan untuk memastikan amalan pemasaran yang baik.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, kerajaan juga menjamin harga yang adil kepada nelayan dan kualiti ikan ter-

jamin untuk pengguna pada harga yang berpatutan.

Menurutnya, Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) menyediakan kemudahan tempat pendaratan, urusan niaga, pemetaan ikan secara berpusat dan setempat.

"Kompleks LKIM membantu mewujudkan peluang perniagaan untuk pasaran yang lebih kompetitif dan menggalakkan perkembangan industri berkaitan perikanan di kawasan sekitar," katanya kepada pemberita selepas melawat Kompleks LKIM Kuantan dan menyantuni hampir 1,200 nelayan, peniaga dan pengusaha di sini semalam.

Beliau yang tiba pada jam 8.30 pagi turut meninjau fasiliti kompleks di bawah pengurusan Persatuan Nelayan Negeri Pahang (PENERPA).

Ahmad berkata, pertumbuhan ekonomi setempat membuka peluang kepada persatuan nelayan setempat, yayasan nelayan dan syarikat tempatan menjalankan aktiviti seperti perniagaan air batu, diesel,

membina serta membaiki pulih bot dan operasi pemasaran ikan.

Sementara itu, pengusaha bot, Mohd Shukri Mohd Zahit, 37, berkata, pembinaan kompleks melibatkan kos keseluruhan lebih RM50 juta itu sememangnya memberikan manfaat dan keselesaan kepada pengguna.

"Dari segi kemudahan, ia sentiasa ditambah baik dari masa ke masa. Kita selesa dengan kemudahan disediakan di sini," katanya.

Seorang nelayan, Mohd Sharihan Mohd Zaid, 30, pula berkata, beliau menghargai usaha kerajaan membantu mereka dalam sektor perikanan terutama dari segi fasiliti dan bantuan semasa negara sedang berdepan pandemik coronavirus (Covid-19).

"Cuma saya ingin meminta kerajaan memperhebatkan lagi galakan supaya anak muda menceburi bidang ini. Ramai anak muda tempatan fikir sektor ini tidak menjana ekonomi yang tinggi tetapi tanggapan itu salah," kata beliau.



Ahmad (dua dari kanan) melihat ledang cili yang diusahakan Muhamad Zaim bersama tiga orang belia di atas tanah terbiar di Felda Panching Selatan, Kuantan semalam.

Kurangkan kebergantungan cili import

KUANTAN - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yakin dapat meningkatkan hasil tanaman cili negara, sekaligus mengurangkan kebergantungan kepada barangan import pada masa akan datang.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, perkara itu boleh dicapai menerusi penyertaan golongan belia dalam pelbagai sektor pertanian termasuk penanaman cili secara fertigasi.

Menurutnya, kaedah penanaman cili yang dilaksanakan golongan belia di Felda Panching Selatan di Kuantan, Pahang boleh dicontohi bagi menghasilkan lebih banyak makanan dalam negara.

"Ketika ini, Malaysia hanya berkeupayaan mengeluarkan cili sebanyak 38 peratus, selebihnya sebanyak 62 peratus terpaksa import dari luar negara dan harganya mahal.

"Jadi, dengan adanya pengeluaran cili secara besar-besaran di sini, ia dilihat amat berpatutan untuk kita memastikan bekalan barangan keperluan mencukupi tanpa bergantung sepenuhnya kepada import barangan," katanya selepas *walk-about* bersama petani di Projek Fertigasi Cili Felda Panching Selatan di sini semalam.

Ahmad berkata, tanggungjawab mengurangkan kebergantungan kepada barangan import itu dilihat berat, namun ia boleh dilakukan dengan memanfaatkan tanah terbiar seperti yang diusahakan golongan belia di Felda Panching Selatan.

Sehubungan itu, katanya, penyertaan belia dialu-alukan bagi memastikan sektor pertanian terus berkembang.

"Kementerian telah perkenalkan Agroprenuer bagi membolehkan golongan muda menceburi bidang pertanian dan pelbagai bantuan akan disalurkan kepada mereka," katanya.

Permintaan madu kelulut memberangsangkan

KUANTAN - Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah meluangkan masa hampir dua jam melawat kebun madu kelulut di Kampung Permatang di sini semalam.

Beliau meninjau kawasan kebun ternakan kelulut dan berpeluang menyedut madu kelulut yang telah matang milik Wan Ahmad Shamsudin Abdul Rahman, 54.

Turut serta bersama beliau, Ahli Parlimen Paya Besar, Mohd Shahar Abdullah dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lembing, Datuk Md Sohaimi Mohamed Shah.

Sementara itu, Wan Ahmad Shamsuddin berkata, beliau mengusahakan ternakan kelulut itu lima tahun lalu menerusi dua sarang kelulut.

Kini, katanya, beliau memiliki hampir 100 sarang kelulut yang dibiarkan atas tanah seluas setengah hektar.

"Permintaan madu kelulut amat memberangsangkan. Hampir 300 gram sehingga satu kilogram madu kelulut dapat dikutip dalam satu-satu masa.

"Alhamdulillah, saya dapat memenuhi permintaan pelanggan dari dalam dan luar Pahang," kata beliau.

Ahmad (tengah) mencuba madu kelulut ketika beliau melawat kebun madu kelulut di Kampung Permatang dekat Kuantan semalam.



Penularan COVID-19

Lupakan tradisi berbisik, kekang penularan wabak

Perlu diubah mekanisme, modus operandi sesuai keadaan semasa

Oleh Nur Izzati Mohamed
bhews@bh.com.my

Kepala Batas: Tradisi berbisik yang diamalkan nelayan, peraih dan penguqung dalam aktiviti penjualan ikan serta hasil laut di Pasar Bisik Kuala Muda, Penaga, di sini, sejak bertahun-tahun lamanya perlu dihentikan buat sementara waktu bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Ia perlu memandangkan masyarakat kini wajib menyesuaikan diri hidup dalam normal baru, sekali gus mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Abli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, berkata penularan wabak COVID-19 menyebabkan apa juga kebiasaan yang dilakukan perlu diubah mekanisme dan mo-



Reezal ketika melawat Pasar Bisik Kuala Muda, Penaga, Kepala Batas, (foto BERNAMA)

dus operandi seiring keadaan semasa.

"Amalan bisik diguna pakai sejak bertahun-tahun lamanya dan menjadi keunikan dalam urusan tawar-menawar di sini, tetapi dalam soal COVID-19 kita perlu ada perubahan, mekanisma dan modus operandi baharu.

"Jadi, dari segi amalan di pasar ini, perlu ditukar dengan meletakkan harga supaya tidak ber-

selama tujuh hari.

Ismail lalui Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) mengeluarkan notis penutupan pasar bisik itu kerana melanggar 100 peratus SOP digariskan.

Ia kemudian menimbulkan ketidakpuasan nelayan dari Umil Kuala Muda, Bakau Tua dan Pulau Mertajam yang mendakwa perlu nasi mereka terjejas.

Reezal berkata, beliau memahami kehidupan nelayan yang mencabar dan bergantung pada pendapatan harian, namun SOP yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) serta Kementerian, Kesihatan Malaysia (KKM) perlu dipatuhi.

"Masjid pun kita tutup, Makah pun tiada orang tawaf dan melawat makam Nabi, mikan pula pasar bisik. Soal jaga nyawa adalah tuntutan agama dan apa yang dilakukan wajib dipatuhi.

"Kita faham mengikut SOP juga satu cabaran bagi nelayan, tetapi tetap perlu mematuhi, katanya.

Beliau berkata, jika segala SOP ditetapkan dapat dipatuhi dan KKM berpuas hati dengan pematuhan, pasar bisik itu mungkin dapat dibuka lebih awal daripada tarikh ditetapkan.

'ADOPT NEW NORMAL'

Do away with 'whispering' custom, MP tells Pasar Bisik fishmongers

PENAGA: Fishmongers at Pasar Bisik Kuala Muda here, which has been served with a seven-day closure notice since yesterday, have been told to stop the *berbisik* (whispering) custom in light of the Covid-19 pandemic.

Kepala Batas member of parliament Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican said the custom, which allows bidders to offer a price and fishmongers to auction their seafood by whispering, was no longer suitable as it failed to promote social distancing, which is needed to curb the Covid-19 pandemic.

"A new norm should be adopted by the fishmongers due to the pandemic. Changes must be made to the mechanism.

"Maybe they can fix the prices of the seafood," he said during a visit to the market here yesterday.

It was reported that the market had been slapped with a closure order due to the failure of fishmongers and bidders to

adhere to the Conditional Movement Control Order's standard operating procedure (SOP).

A seven-day closure notice, effective from Tuesday, was issued by the Penang Health Department after warnings went unheeded over the absence of body temperature checks, hand sanitisers and marked lines for social distancing at the market. These had



Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican

led to overcrowding on the premises.

Checks by the *New Straits Times* at the market yesterday showed it had put in place a counter for registration and temperature screenings, as well as hand sanitisers and marked lines for social distancing.

Policemen were present to monitor activities.

Earlier, Reezal Merican said he met with representatives from the state Fishermen Association, the Fisheries Development Authority of Malaysia, as well as local leaders on how best to

help the market re-open.

"Some SOP are in place but there is room for improvement.

"What is important is the health and safety of the fishmongers and bidders, as well as visitors to the market.

"This needs to be looked into before the market can be opened," he said, adding that he had asked the SOP implementation compliance committee to assist in this matter.

He said while the setting up and implementation of the SOP were challenging for fishmongers, they were necessary.

Headline	Duo jailed, fined for fish bombing		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	04 Jun 2020	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	7	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	57 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 159
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 477



Duo jailed, fined for fish bombing

TAWAU: Two Filipino men were jailed for six months and fined RM15,000 by the Sessions Court here for fish bombing offence.

Sessions Court Judge Awang Kerisnada Awang Mahmud handed down the sentence to both accused after they pleaded guilty to a charge under Section 26 (1) (c) of the Fisheries Act 1985 (amendment 1993) read together with Section 34 of the Penal Code and sentenced under Section 25 (b) of the same Act.

The accused, aged 27 and 22 from Kampung Balimbang and Kampung Hidayat Semporna, failed to pay the fines and would have to serve another five months.

The judge also ordered both the accused to be handed over to the Immigration Department for deportation after serving their sentences.

Sabah Fisheries Department prosecutor Lester Bulun prosecuted the case.

Agrobank umum Jun sebagai bulan PKS

Kuala Lumpur: Agrobank mengumumkan bulan Jun sebagai Bulan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Agrobank 2020 yang bertujuan mengetengahkan kepentingan dan sumbangan besar komuniti PKS terutamanya pengusaha dalam bidang perniagaan agro kepada sumber pendapatan, masyarakat dan ekonomi.

Ia diadakan bersempena Hari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Antarabangsa seperti yang ditetapkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 27 Jun setiap tahun.

Penanggung Tugas Presiden / Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, PKS adalah tulang belakang kepada ekonomi Malaysia dan Agrobank percaya sumbangan segmen ini perlu dihargai.

"Pandemik Covid-19 menjadikan kita lebih menghargai bekalan makanan dan memberi per-

hatian pentingnya jaminan keselamatan makanan.

"Inisiatif ini juga memberi peluang kepada masyarakat luar untuk mengetahui dengan lebih baik bagaimana pelanggan PKS kami dalam rantaian bekalan makanan menghadapi landskap perniagaan kebiasaan baharu," katanya.

Program berkenaan akan berjalan sepanjang Jun, dan akan menjadi platform untuk pihak bank lebih memahami keperluan pelanggan PKS dan sekali gus menyokong pengembangan perniagaan mereka secara berterusan.

Katanya, sepanjang bulan ini, Agrobank menyoroti kejayaan perniagaan agro PKS yang berjaya, video mengenai bagaimana PKS dalam perniagaan agro dapat menghadapi perubahan yang berlaku sepanjang tempoh Covid-19, sesi bimbingan untuk usahawan, forum dan promosi produk berkaitan PKS.



KHADIJAH

Headline	Warisan Tuaran vows to solve land issue in villages		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	04 Jun 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	2	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	141 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 786
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,358



Warisan Tuaran vows to solve land issue in villages

TUARAN: Parti Warisan Sabah of Tuaran division will make every effort to solve the land issue in Kampung Sungai Damit and several other villages nearby.

The villagers claimed that they have been telling the previous government about the issue but no actions were taken.

In a meeting with Political Secretary to Sabah Agriculture and Food Industry Minister, Rakam Sijim yesterday, he promised to look at the matter and would try to find a solution.

"The current state government is different from the previous one. We prioritise the rakyat's need so that we can prosper together," said Rakam who is also the division chief for Tuaran Warisan.

He said this when he went to the area, together with the



Rakam (third right) at Kampung Sawah.

party's committee member Rusnin Laseh, Sg Damit village head Madil Hakim and the village's Warisan branch head Edul Hj Mulud. He also went to the nearby villages namely Kg Sawah, Kg Bintangor and Kg Pitas.

It was understood that more than 130 houses in the four villages were included in an area that was gazetted

for a government agency decades ago.

Apart from these villages, several others are also having the same issue.

He also requested the villagers to give their full cooperation in giving feedback from time to time to ensure the issue will be solved.